



**KEMENTERIAN PERUMAHAN  
DAN KERAJAAN TEMPATAN**  
Unit Komunikasi Korporat  
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana  
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564  
Faks : 03 8891 5557  
Laman Web : [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
Email : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)  
Twitter : @kpkt\_gov  
Facebook/ : KPKT Malaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.45 (38)  
Tarikh : 11 Disember 2020

## KENYATAAN MEDIA

### **HIGHLAND TOWER: KPKT RANCANG MENCERIAKAN TAPAK BERSEJARAH (HISTORICAL LANDMARK) KEJADIAN PERISTIWA 1993**

Saya ambil maklum laporan akhbar hari ini berkaitan 'KPKT rancang bina tugu peringatan di tapak Kondominium Highland Towers'.

Ingin saya jelaskan bahawa Kementerian bukan berhasrat membina tugu peringatan sebaliknya mengindahkan semula selain menjadikannya sebagai tapak bersejarah.

Hasrat itu bagi memperingati peristiwa tragis yang mengorbankan 48 penghuni kondominium berkenaan pada 11 Disember 1993 yang juga telah melakar sejarah hitam buat negara.

Kawasan di Highland Tower perlu diberi nafas baru kerana sebelum ini mengundang rasa kurang senang penduduk setempat kerana masalah sosial yang berlaku di kawasan itu.

Justeru perobohan bangunan terbiar selama 27 tahun ini akan diceriakan menerusi pembangunan tempat bersejarah serta dalam masa sama dapat menjamin kesejahteraan penduduk di kawasan Highland Tower.

**YB Zuraida Kamaruddin**  
**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan**  
**11 Disember 2020**

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang diterajui oleh YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin selaku Menteri terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PRIMA Malaysia.*

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)